

23 OCT 1998

BELANJAWAN-MSM/I

LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA KE ATAS MSM

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Kerajaan hari ini mencadangkan bahawa levi keuntungan luar biasa dikenakan ke atas minyak sawit mentah dan minyak isirong sawit mentah apabila harganya melebihi RM2,000 setonne sebagai langkah untuk menambah hasil kerajaan.

Cadangan itu akan berkuat kuasa mulai 1 Jan tahun depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa membentangkan Belanjawan 1999 di Parlimen hari ini, berkata industri minyak sawit kini menikmati keuntungan berlebihan kerana harga yang tinggi berikutan penurunan nilai ringgit.

"Oleh itu, adalah wajar bagi industri ini membuat sumbangan tambahan kepada hasil kerajaan," katanya.

Di bawah cadangan itu, apabila harga di dalam jarak di antara RM2,000 dan RM2,050 setonne, levi adalah pada jumlah bersamaan dengan harga melebihi had tersebut. Maknanya kadar levi adalah perbezaan di antara harga jualan dengan RM2,000.

Bagaimanapun, apabila harga melebihi RM2,050, levi ialah sebanyak RM50 setonne.

-- BERNAMA

LES SHY OS